



JABATAN LAUT MALAYSIA
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI REKOD SINOPSIS BERTERUSAN

Oktober 2020



JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI REKOD SINOPSIS BERTERUSAN

TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

1. PENGENALAN

Perkara ini adalah lanjutan kepada pindaan terhadap keperluan peraturan antarabangsa SOLAS untuk meningkatkan sekuriti maritim. Rekod Sinopsis Berterusan (RSB) akan dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia di bawah kuasa Kerajaan Malaysia. RSB perlu disimpan di atas kapal dan boleh dirujuk pada setiap masa.

Peraturan XI-1/5, SOLAS 1974, dengan pindaan telah memperincikan bahawa setiap kapal yang mematuhi keperluan SOLAS perlu menyimpan RSB di atas kapal bermula pada 1 Julai 2004.

2. KEPERLUAN PEMATUHAN

RSB adalah merupakan keperluan kepada semua kapal yang berdaftar di Malaysia dengan pengecualian seperti berikut :

1. Kapal yang tidak beroperasi di laluan pelayaran antarabangsa;
2. Kapal kargo kurang daripada 500 GT;
3. Kapal yang tidak digerakkan oleh dorongan mekanikal; dan
4. Kapal layar / pesiaran yang tidak terlibat dalam perniagaan.

3. RUJUKAN

Rujukan boleh dibuat kepada :

1. IMO Resolution A959 (23),
2. Resolution MSC. 198(80),
3. Notis Perkapalan Malaysia (NPM) 02/2008, dan
4. Nota Maklumat dan Panduan Marin - NMPM 52/2004 dan NMPM 01/2008.

4. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan untuk RSB perlu dikemukakan kepada :

Bahagian Pendaftaran Kapal

Jabatan Laut Malaysia,
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor, MALAYSIA.
Tel : 603 - 3346 7777
Emel : registry@marine.gov.my



JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI REKOD SINOPSIS BERTERUSAN

TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

4.1 Jadual Fi

Fi untuk pengeluaran RSB adalah RM 345.00.

4.2 Senarai Borang RSB

1. Form 1 - Initial CSR Form.
2. Form 2 - CSR Amendment Form.
3. Form 3 - List of Amendments (updated by Master).

Borang RSB ini boleh dimuat turun di www.marine.gov.my
(Perkhidmatan → Borang → Perkapalan → Rekod Sinopsis Berterusan)

4.3 Permohonan RSB Kali Pertama

Sila sertakan salinan dokumen yang berikut :


- Form 1.
- Certificate of Registry.
- Certificate of Classification.
- Document of Compliance.
- Safety Management Certificate.
- International Ship Security Certificate.

4.4 Permohonan untuk Pindaan RSB

Sila sertakan salinan dokumen yang berikut :

- Form 2.
- Dokumen berpandukan kepada maklumat RSB yang perlu dipinda :
 - a. Maklumat No. 7 - Document of Compliance / Safety Management Certificate.
 - b. Maklumat No. 9 - Document of Compliance.
 - c. Maklumat No. 10 - Document of Compliance / Safety Management Certificate.
 - d. Maklumat No. 11 - Certificate of Classification.
 - e. Maklumat No. 12 - Document of Compliance.
 - f. Maklumat No. 13 - Safety Management Certificate.
 - g. Maklumat No. 14 - International Ship Security Certificate.

Untuk pindaan maklumat RSB perkara pada Maklumat No. 4, No. 5 (Pelabuhan Daftar di Malaysia) dan No. 6, maklumat pendaftaran kapal perlu disemak di pejabat Pelabuhan Daftar yang berkenaan berpandukan kepada prosedur yang ditetapkan.

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI REKOD SINOPSIS BERTERUSAN
	TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

4.5 Permohonan Perpindahan masuk ke Bendera Malaysia

Sila sertakan salinan dokumen yang berikut :

- Form 2.
- RSB terakhir yang dikeluarkan oleh pendaftaran kapal terdahulu.
- Jika maklumat RSB yang lain (kecuali Maklumat No. 4, No. 5 dan No. 6) yang perlu dipinda, adalah sepertimana para 4.4.

4.6 Permohonan Penggantian RSB

Permohonan penggantian boleh dibuat kepada BPK melalui emel.

4.7 Permohonan Penutupan RSB

Sila sertakan salinan dokumen yang berikut :

- Form 2.
- Sijil Pembatalan Pendaftaran Kapal yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal.

4.8 Piagam Pelanggan

Memproses dan mengeluarkan RSB dalam tempoh 3 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.




JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI REKOD SINOPSIS BERTERUSAN

TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

4.9 Carta Alir Permohonan



Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemilik kapal untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses permohonan atau RSB yang dikeluarkan tidak tepat.